

GARIS PANDUAN PERMOHONAN DANA PENERBITAN

1. Untuk staf, keutamaan diberikan kepada pemohon yang tiada geran aktif sahaja.
2. Had permohonan adalah dua kali setahun dan kelulusan tertakluk kepada baki peruntukan semasa Dana Penerbitan Jurnal.
3. Penyelidik yang memiliki geran aktif dibenarkan untuk memohon penggunaan peruntukan Tabung E15216. Kelulusan adalah terhad **SATU (1)** kali sahaja pada tahun semasa.
4. Permohonan yang telah menggunakan dana geran tidak layak untuk memohon.
5. Untuk pelajar, permohonan diberikan kepada pelajar GPPS/GIPS/REGG sahaja. Selain daripada status pemohon yang dinyatakan, permohonan adalah tidak dipertimbangkan.
6. Permohonan penerbitan hendaklah **terus ke jurnal sahaja**. Permohonan yuran persidangan adalah tidak dibenarkan.
7. Terdapat **2 kategori** permohonan pembiayaan yuran jurnal ditawarkan iaitu:
8. Pembiayaan yuran **jurnal tidak berindeks Scopus atau Web of Science (WoS)**.
 - i. Maksimum jumlah yuran **RM 500.00 / penerbitan / staf**.
 - ii. Hanya jurnal UTHM atau jurnal yang tersenarai dalam MyJurnal atau MyCite sahaja.
9. Pembiayaan yuran **jurnal berindeks Scopus atau Web of Science (WoS)**.
 - i. Maksimum jumlah yuran **RM 2,000.00 / penerbitan / staf**.

10. Semua permohonan perlu mengikut prosedur yang ditetapkan menggunakan Borang Permohonan Dana Penerbitan yang terdapat di laman web **Pejabat Penerbit>Muat Turun>Borang>Permohonan Dana Penerbitan**. Dokumen-dokumen seperti berikut perlu disertakan dalam permohonan:
 - i. Surat penerimaan (*acceptance letter*) **daripada pihak jurnal**.
 - ii. Salinan sebut harga/invois **daripada pihak jurnal**.
 - iii. Salinan bukti jurnal tersebut diindeks oleh MyJurnal/MyCite/Scopus/JCR/WOS.
 - iv. Artikel penuh **WAJIB** menyatakan penghargaan (*acknowledgement*) berikut: "**Communication of this research is made possible through monetary assistance by Universiti Tun Hussein Onn Malaysia and the UTHM Publisher's Office via Publication Fund E15216**".
 - v. Surat lantikan (Pelajar GPPS/GIPS/REGG sahaja)
11. Pemohon hendaklah mendahulukan pembayaran yuran kepada pihak jurnal sebelum membuat tuntutan bayaran kepada Pejabat Penerbit.
12. Tuntutan hendaklah dibuat dalam tempoh **DUA (2) bulan** daripada tarikh kelulusan permohonan. Selepas tempoh tersebut, permohonan akan terbatal dan peruntukan tersebut akan diberikan kepada pemohon baru.
13. Tuntutan semula pembayaran perlu dilaksanakan dalam tempoh **SATU (1) bulan** daripada tarikh bukti pembayaran sepertimana Pekeliling Tuntutan Bayaran Wang Sendiri (TBWS) yang sedang berkuat kuasa.
14. Semua permohonan adalah tertakluk kepada kecukupan baki peruntukan Tabung E15216.
15. Pemohon adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kesahihan maklumat dan dokumen yang diberikan. Pejabat Penerbit tidak bertanggungjawab atas sebarang percanggahan maklumat oleh pemohon.

Proses Permohonan Dana Penerbitan Jurnal Menggunakan Tabung Penerbitan E15216

